



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP
Secretary General
Ministry of Domestic Trade and Cost of Living
No Aras 11 (Menara), No 13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603-8882 5555/5553
Faks: 603-8882 5566
Laman Web: www.kpdn.gov.my
Emel : ksu@kpdn.gov.my

Rujukan : KPDKKK.600-4/1/18 JLD2 ()
Tarikh : 31 Mei 2023

SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

**ARAHAN PENGAWAL BEKALAN DI BAWAH PERATURAN 12A,
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN 1974 [P.U(A) 103/1974]
BERHUBUNG PENJUALAN GULA PASIR PUTIH BERTAPIS (KASAR DAN
HALUS) PEK 1KG DAN 2KG**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Kerajaan telah memberi kebenaran kepada pengilang gula tempatan untuk menghasilkan **Gula Pasir Putih Bertapis "JERNIH"** untuk dijual di pasaran tempatan mulai 25 Mei 2023 yang harganya tidak dikawal oleh Kerajaan dan tidak tertakluk kepada Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 3) 2018.
3. Bagi mengelakkan ketiadaan bekalan gula pasir putih bertapis kasar dan halus dalam pasaran. seiaras dengan Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (1974) [P.U. (A) 103/1974], tuan/puan adalah diarahkan untuk memastikan gula pasir putih bertapis kasar dan halus yang diterima daripada pengilang diedarkan kepada pelanggan dengan segera.
4. Tuan/puan dikehendaki untuk mengemukakan laporan penerimaan bekalan gula daripada pengilang gula tempatan secara mingguan kepada Kementerian ini pada setiap hari Jumaat melalui pautan berikut:



https://drive.google.com/drive/folders/16ctdSkU4aoHsX3BQXcTb2kRz-Yv45mrJ?usp=share_link

5. Kegagalan pihak tuan/puan untuk mematuhi arahan ini boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) atau perundangan subsidiarinya.
6. Arahan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2023**.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF)
Pengawal Bekalan

s.k.:

YB. Menteri
YB. Timbalan Menteri
TKSU (PPDN)
PK (SBKS)
KP (BP)
P (BUU)
P (BSB)
Timbalan Pengawal Bekalan